

Headline	THT rangkul kejuaraan hatrik		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	26 Sep 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	46,52
Section	Sukan	Journalist	Naqib Nor Said
ArticleSize	717 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 73,863		



# THT rangkul kejuaraan hatrik

● Mudah tewaskan Sapura pada aksi final, lengkapkan kejuaraan berganda musim ini

Oleh Naqib Nor Said

naqib@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**P**asukan Hoki Terengganu (THT) menempa sejarah apabila mencipta hatrik memenangi Piala TNB selepas menewaskan Sapura 3-0, pada aksi final di Stadium Tun Razak, di sini, malam tadi.

Kejayaan itu bermakna skuad bimbingan Sarjit Singh berjaya meraih kejuaraan berganda tiga tahun berturut-turut apabila sebelum ini turut merangkul kejuaraan Liga Hoki Malaysia sejak 2014.

Tonggak paling senior THT, Azlan Misron berkata ini adalah hasil yang terbaik dinikmati skuad bertaraf bintang itu selepas bergelut dengan prestasi goyah pada awal musim.

“Syukur Alhamdulillah, akhirnya kami berjaya meraih gelaran hatrik. Kami membuktikan kepada semua yang kami mampu bangkit dengan memperbaiki segala kelemahan di awal musim.

## Tanpa aksi Marhan

“Kejayaan ini adalah hasil semangat berpasukan yang tinggi dan keupayaan mengekalkan fokus sepanjang 60 minit permainan. Inilah hasilnya,” katanya selepas tamat perlawanan.

Terdahulu, tanpa khidmat kapten Marhan Jalil menyaksikan bahagian tengah Sapura

sedikit tenggelam, dengan THT lebih banyak membuat penggunaan bola sepanjang perlawanan menerusi gerakan lincah jeneral tengah, Fitri Saari.

Sebaliknya, THT hanya memerlukan enam minit untuk membuka jaringan menerusi pakar pukulan sudut penalti Jang Jonhyun di depan kira-kira 2,000 penyokong yang membanjiri Stadium Tun Razak.

Sapura menerusi penyerang kebangsaan Firhan Ashari berpeluang menyamakan keduduan tetapi dua kali dinafikan penjaga gol THT Hafizuddin Othman.

Ketika Sapura asyik melancarkan serangan balas THT berjaya manfaatkan kekurangan pemain di bahagian pertahanan lawan untuk jaringan kedua menerusi gol padang penyerang import Argentina, Nicolas Enrique pada minit ke-22.

Tidak cukup dengan itu, THT yang meraih tujuh pukulan sudut penalti sepanjang perlawanan, hampir menjaringkan gol ketiga menerusi Faizal Saari namun percubaan penyerang negara itu hanya terkena tiang.

Jang mengesahkan statusnya sebagai penjaring terbanyak liga dengan 16 gol apabila sekali lagi meledak jaringan kemenangan THT sembilan minit sebelum tamat perlawanan.

Headline	THT rangkul kejuaraan hatrik		
MediaTitle	Berita Harian	Language	Malay
Date	26 Sep 2016	Readership	947,000
Circulation	125,514	Page No	46,52
Section	Sukan	Journalist	Naqib Nor Said
ArticleSize	717 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 73,863		



## THT ungguli Piala TNB

Barisan pemain dan jurulatih pasukan THT ceria bersama trofi kejuaraan Piala TNB di Stadium Tun Razak, Kuala Lumpur malam tadi, selepas memenangi aksi final menewaskan Sapura, 3-0. Ia adalah kejuaraan hatrik pasukan ini sejak 2014. Ms.46